



NEGERI TERENGGANU

TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 [AKTA 133]

Tr. P.U. 14/84

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN) JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

mengandungi pindaan terkini - Tr. P.U. 13/2003

Tarikh penyiaran :
Tarikh mula kuat kuasa :

11 Oktober 1984
12 Oktober 1984

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

[Mukadimah.](#)

- Undang-undang Kecil 1. [Nama dan pemakaian.](#)
- Undang-undang Kecil 2. [Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang yang boleh mengkompaun.](#)
- Undang-undang Kecil 3. [Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.](#)
- Undang-undang Kecil 4. [Borang bagi tawaran mengkompaun.](#)

[JADUAL](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

1. Nama dan pemakaian.

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan (Terengganu) 1984** dan hendaklah dipakai dalam semua kawasan pihak berkuasa tempatan dalam Negeri Terengganu.

2. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang yang boleh mengkompaun.

Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 9, 16, 17, 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 47, 52, 55, 56, 57, 58, 59, 69(3), 70, 70A, 72, 73, 76, 78, 79, 80, 82, 83, 84, 85, 87, 91, 100 dan 121 Akta itu dan di bawah mana-mana undang-undang kecil boleh dikompaun oleh Yang Dipertua pihak berkuasa tempatan yang berkenaan atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya untuk tujuan itu.

[Pin. Tr. P.U. 13/2003]

3. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.

(1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun suatu kesalahan tidak boleh lebih daripada lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum oleh Akta atau undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan sekiranya jumlah lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum kurang daripada lima ratus ringgit, wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun kesalahan tersebut hendaklah tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

(2) Pembayaran wang itu mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada pihak berkuasa tempatan yang berkenaan dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" .

(3) Bayaran boleh diserahkan dengan sendiri kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, tetapi, jika bayaran dihantar melalui pos, ianya mestilah dialamatkan kepada Yang Di-pertua pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan dan suatu resit rasmi mestilah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

[Pin. Tr. P.U. 13/2003]

4. Borang bagi tawaran mengkompaun.

Borang dalam Jadual mestilah digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

JADUAL

(Undang-Undang kecil 4)

TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada :

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan:

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan Undang-Undang yang Berkaitan
..... Tarikh Waktu
..... Tempat
Butir-butir Kesalahan

2. Tuan/Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan (Terengganu) 1984, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan, untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak RM (Ringgit Malaysia). Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan dengan sendiri kepada saya di alamat yang berikut
Pembayaran melalui pos mestilah dialamatkan kepada Yang
Di-pertua, Majlis Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila dibayar.

3. Tawaran ini akan habis tempoh pada Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada haribulan 19

*

**Hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberikuasa mengkompaun, dan nama serta jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangannya.*

Yang Dipertua,
Majlis

.....
.....

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan dan bertarikh Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama ini wang tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank No bagi menjelaskan kompaun itu.

Tandatangan
Nama (Huruf Besar)
Alamat

Tarikh

Diperbuat pada 9 haribulan September, 1984.
[SUK. TR.1200/304/1: PUN. TR. 123]

CRE MAT BIN JUSOH,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu

SENARAI PINDAAN

*Undang-undang
yang meminda*

Tajuk ringkas

Berkuatkuasa dari

Akta 160

Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975

29-08-1975

Tr. P.U. 13/2003

Undang-Undang Kecil (Mengkompaun
Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan
(Terengganu) (Pindaan) 2003

01-12-2003